

Perkembangan Sekolah Agama di Malaysia

Nur Hanani Hussin

Bahagian Pendidikan Islam,
Kementerian Pendidikan Malaysia



Perkembangan sekolah agama di Malaysia mempunyai kaitan dengan perkembangan pendidikan Islam. Perkembangan ini juga selari dengan agama Islam yang dinamik walaupun melalui pelbagai cabaran. Di Semenanjung Malaysia, pelaksanaan pendidikan Islam telah bermula sebelum abad ke-20 lagi melalui pengajian dan pengajaran al-Quran di rumah guru-guru al-Quran.

Di Sarawak pula, ulama seperti Allahyarham Hakim Abang Haji Abdul Rahman (1829-1890) yang dikenali sebagai Datuk Hakim Keramat banyak memainkan peranan dalam bidang pengajaran al-Quran secara tradisi. Usaha Allahyarham diteruskan oleh ulama Sarawak yang lain. Sementara itu, di negeri seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Perak mempunyai institusi pengajian pondok yang tersendiri. Antara yang terkenal termasuk pondok yang dibangunkan oleh Tuan Haji Awang Muhammad Yusuf Kenali yang dikenali sebagai Tok Kenali (1868-1933).

Pengajian Islam secara pondok banyak membantu memantapkan perkembangan Islam di Malaysia. Antara pelajaran yang diajar termasuk tauhid, fiqh, tafsir, hadis, nahu dan saraf. Tradisi pengajian ini menjadi asas penubuhan sekolah agama rakyat di Semenanjung Malaysia. Bertitik tolak daripada sistem pondok, pendidikan Islam diperkembangkan melalui sistem madrasah atau sekolah agama yang dilengkapi dengan infrastruktur, seperti bangunan sekolah, asrama, kemudahan rekreasi dan pejabat pentadbiran.

Namun begitu, sekali pun banyak sekolah agama rakyat dibina dan memperlihatkan kecemerlangan dalam bidang akademik, masih ada sekolah yang tidak dapat dibangunkan kerana ketiadaan atau kekurangan dana yang cukup untuk menampung perbelanjaan pentadbiran sekolah.

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)

Pada tahun 1970-an sekolah menengah agama rakyat kurang mendapat sambutan kerana sistem pentadbiran yang tidak teratur dan kurang prasarana. Pada masa yang sama, kesedaran masyarakat terhadap pendidikan semakin meningkat. Pada tahun 1972, Fakulti Pengajian Islam (FPI) Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan Seminar Pendidikan Islam yang membincangkan isu "Masa Hadapan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di Malaysia", "Ke arah Penyatuan Sukatan Pelajaran Agama dan Pelaksanaannya", dan "Fakulti Pengajian Islam dan Masa Hadapannya".



Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) di bawah pimpinan Allahyarham Tuan Haji Nik Mohammed Mohyideen Haji Wan Musa, Pengarah BPI pada waktu itu berusaha mengambil alih beberapa sekolah agama di seluruh Malaysia untuk dijadikan sebagai sekolah menengah kebangsaan agama. Sejarah penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bermula dengan pengambilalihan 11 buah sekolah agama negeri dan rakyat oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1977.

SMKA mendukung falsafah “usaha yang terancang, terkawal dan berterusan berasaskan panduan ilmu, iman dan amal soleh serta budaya Islam, dan suasana pembelajaran yang seimbang ke arah melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan, seimbang, cemerlang, berakhlak mulia, bertakwa dan bertanggungjawab untuk mengamalkan cara hidup Islam serta mampu memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada agama, diri, ummah dan negara”.

Melalui Rancangan Malaysia Ketiga (1975-1980) bangunan SMKA mendapat suntikan baharu, seperti pembinaan bangunan baharu bagi sekolah yang telah diambil alih. sebagai tambahan bangunan sekolah yang sedia ada yang masih kukuh dan sesuai serta kawasan tanahnya mencukupi, pembinaan bangunan baharu di tapak sedia ada jika kawasan tanahnya mencukupi, atau pembinaan di kawasan lain jika tanahnya tidak mencukupi. Hingga tahun 2020, terdapat 60 buah SMKA di Malaysia. Idea awal penubuhan SMKA

seiring usaha pemodenan sistem pendidikan negara dan penambahbaikan sistem pendidikan Islam di sekolah agama secara lebih terancang.

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Selain SMKA, terdapat usaha mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, kualiti pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber manusia dan kualiti prasarana, serta kemudahan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN). Usaha mempertingkatkan SAR dan SAN dilakukan melalui pendaftaran sekolah tersebut sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Program ini merupakan usaha murni kerajaan untuk membantu dan memperkasakan sekolah agama di Malaysia.

Pendaftaran SAR dan SAN sebagai SABK pernah dicadangkan pada tahun 2002 oleh Menteri Pendidikan ketika itu kemudian dicadangkan semula oleh Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada tahun 2004. SABK yang berdaftar dengan KPM akan ditadbir oleh KPM, tetapi mengekalkan pemilikan tanah, bangunan dan kurikulum agama negeri, di samping menerima pelbagai kemudahan lain. SAR merupakan institusi pendidikan Islam yang berperanan besar terhadap pembangunan insan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pertumbuhan SAR yang pesat berkembang di seluruh negeri menunjukkan institusi ini mendapat sambutan yang baik dan menjadi keperluan pendidikan Islam di negara ini.

Walaupun bagaimanapun, pengurusan SAR di setiap negeri yang tidak seragam menyebabkan berlaku ketidakseimbangan pembangunan SAR. Terdapat SAR yang maju dan terdapat SAR yang daif dan mundur. Antara kelebihan sesebuah sekolah yang didaftarkan sebagai SABK termasuklah menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, bantuan modal bagi menampung keperluan pembangunan fizikal sekolah menerima insentif setelah Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani, menerima guru terlatih sekiranya guru sedia ada tidak mencukupi dan mengekalkan kurikulum agama. Selain itu, pelaksanaan Sijil Tinggi Agama (STAM) turut dikekalkan.

Di samping itu, guru dan kakitangan sedia ada juga dikekalkan. Mereka turut menerima manfaat, seperti diserap masuk dalam perkhidmatan kerajaan, menikmati gaji dan elaun yang setaraf dengan kelayakan, kenaikan pangkat, mendapat kemudahan kerajaan, mengikuti kursus ikhtisas dan peluang melanjutkan pelajaran. Murid di SABK pula akan mendapat bantuan seperti murid yang mengikuti aliran perdana dan mendapat lebih akses pendidikan yang lebih berkualiti.

Sebelum sesebuah SAR dan SAN didaftarkan sebagai SABK, sekolah tersebut perlu didaftarkan dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Syarat lain yang perlu dipenuhi ialah melaksanakan sesi persekolahan sepenuh masa, menggunakan dwikurikulum, iaitu kurikulum agama dan kurikulum kebangsaan dan mempunyai murid sendiri yang mengambil peperiksaan awam KPM.

Selain itu, pengambilalihan juga perlu mendapat persetujuan

semua pihak yang berkepentingan terhadap sekolah dan mempunyai bangunan sendiri yang dibina di tapak tanah yang berstatus wakaf. Selain itu, SAR berkenaan perlu memenuhi syarat keselamatan, kesihatan dan perancangan pihak berkuasa tempatan, mempunyai bilangan murid melebihi 150 orang dan tidak menanggung hutang. Hingga tahun 2020, terdapat 181 SABK peringkat menengah dan 43 SABK peringkat rendah yang telah didaftarkan di bawah KPM.

Inovasi kurikulum di sekolah agama

Inovasi merupakan istilah yang kerap digunakan untuk merujuk kecenderungan semasa bagi memahami aliran kemajuan yang berlaku. Malah, inovasi memberikan konotasi perubahan atau mencipta perubahan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah atau hambatan yang ada. Umumnya, frasa masyarakat inovatif atau ekonomi inovatif membayangkan bahawa inovasi mulai menjadi aliran utama memberikan makna bagi pembangunan masa hadapan. Dalam konteks kurikulum di sekolah agama, perubahan dan pembaharuan kurikulum juga sebahagian daripada inovasi.

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan sesuatu kurikulum, contohnya perkembangan sistem pendidikan sesebuah negara. Pengamal pendidikan berpendapat, kurikulum harus diperbaharui dan diubah seiring perkembangan dan kemajuan sistem pendidikan sesebuah negara. Hal ini disebabkan kurikulum berperanan sebagai medium untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan. Perubahan dalam kurikulum dan penggunaan kaedah baharu dalam

pengajaran dan pembelajaran sentiasa berlaku dalam pendidikan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan, kefahaman dan prestasi pelajar dalam pembelajaran.

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

Sejak diperkenalkan program pendaftaran SAR dan SAN sebagai SABK pada tahun 2005 hingga tahun 2014, sebanyak 160 buah sekolah menengah SABK yang mempunyai lebih 60 000 pelajar melaksanakan dwikurikulum, iaitu Kurikulum Kebangsaan dan juga Kurikulum Dini atau Kurikulum Tahfiz. Pelaksanaan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz yang tidak seragam menimbulkan kesukaran untuk menyelaraskan aspek pengajaran dan pembelajaran, serta pengurusan sumber manusia sehingga menjejaskan pencapaian pelajar.

Oleh itu, bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran dan menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti, maka kurikulum ini telah diangkat menjadi Kurikulum Kebangsaan dengan dijenamakan sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

KBD dan KBT sebagai Kurikulum Kebangsaan merupakan gabungan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz yang dilaksanakan di SABK dengan Kurikulum Kebangsaan yang sedia ada dalam arus perdana. Matlamat menjadikan KBD dan KBT sebagai Kurikulum Kebangsaan adalah bagi memantapkan pelaksanaan kurikulum tersebut dalam arus perdana ke arah melahirkan pelajar yang seimbang dan cemerlang dalam mata pelajaran berasaskan

naqliah dan akliah. Seterusnya menyediakan generasi ulama pelapis dan cendekiawan Islam yang serba boleh pada masa akan datang.

Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, KPM komited untuk menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai Islam yang kukuh. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan pada waktu itu, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin telah mengumumkan model pendidikan Islam Ulul Albab diperluas pelaksanaannya ke seluruh negara mulai tahun 2014.

TMUA merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan program Ulul Albab yang berasaskan pendekatan *Quranik*, *ijtihadik* dan *ensiklopedik*. Pendekatan *Quranik* menghendaki murid dapat menghafal 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungan berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar. Murid akan mengikuti mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran.

Ensiklopedik merujuk murid yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, menjadi tempat rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa asing. Pendekatan *ijtihadik* pula ialah satu kaedah untuk menyediakan murid yang berupaya memberikan pandangan untuk menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif. Ketiga-tiga pendekatan ini dilaksanakan secara bersepadu

melalui pengintegrasian kurikulum dan kokurikulum.

Program TMUA dilaksanakan di 15 buah sekolah menengah KPM secara berperingkat meliputi SMKA dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) terpilih untuk menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan pertambahan dua mata pelajaran, iaitu mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Pelaksanaan program TMUA ini merupakan usaha untuk melahirkan murid yang dapat menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun persekolahan pada peringkat sekolah menengah. Hala tuju pelaksanaan program TMUA ini adalah untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan yang hafal al-Quran dan mempunyai pegangan agama yang kukuh.

Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA)

Pada tahun 2018, program al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab diperkenalkan di Sekolah Menengah Imtiaz Besut sebagai satu usaha menyediakan sumber graduan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Langkah ini bagi memenuhi keperluan tenaga kerja memacu Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Pakej mata pelajaran program ini merupakan platform yang sesuai bagi memperkasakan KBT ke arah menyediakan pakar rujuk syariah serba boleh dalam bidang agama dan profesional pada masa akan datang. Program al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab menjadi nilai tambah bagi KBT aliran tahfiz sains dengan penambahan pakej mata pelajaran *turath* untuk murid menengah atas.

Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan juga mempunyai perkembangan yang

tersendiri, antaranya termasuklah Program j-QAF, iaitu usaha untuk memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu Ain yang dilaksanakan pada peringkat persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini pada peringkat sekolah menengah pula menggunakan kurikulum serta model dan modulnya tersendiri, iaitu Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan pakej pengajian seperti yang dilaksanakan di SMKA.

Bahasa Arab merupakan mata pelajaran wajib dipelajari. Selain itu, Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) dilaksanakan di sekolah menengah yang melaksanakan aliran agama, iaitu SMKA, SABK, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) dan Sekolah Menengah Harian yang melaksanakan KAA, serta Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) yang diperkenalkan mulai tahun 1994 pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia.

Sememangnya, perkembangan sekolah agama di Malaysia bergerak sederhana dengan kemajuan semasa. Bagi memastikan kelestarian sekolah agama dalam sistem pendidikan negara, semua pihak mempunyai peranan tersendiri sama ada dalam kalangan pemegang taruh, barisan kepimpinan, para guru yang melaksanakan refleksi pengajaran, serta sokongan komuniti dan ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjasama dalam satu pasukan dan setiap ahli mempunyai fungsi tersendiri serta memberikan sumbangan ke arah "pendidikan berkualiti, insan terdidik dan negara sejahtera" dapat dicapai sehingga membentuk *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*. ●